

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
TENAGA NASIONAL BERHAD
ALOR STAR, KEDAH

OLEH

NORHANNA BINTI HAJI ABDUL MANAF

Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

n:2598

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039820

LI 54 FPE 1 2005



1100039820

Laporan akhir latihan industri di Tenaga Nasional Berhad, Alor Star / Norhanna Haji Abdul Manaf.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

25
54
FPE
14
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI TENAGA NASIONAL BERHAD,
ALOR STAR, KEDAH.**

Disediakan oleh:

**NORHANNA BINTI HAJI ABDUL MANAF (UK 8815)
Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)**

2005

1100039820

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Norhanna Binti Haji Abdul Manaf (UK 8815)

Mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM, tida terikat dengan dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : NORHANNA ABDUL MANAF.

Tarikh : 14 / 11 / 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan Ekonomi
KUSTEM

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	i
PENGHARGAAN	
SENARAI KANDUNGAN	
RINGKASAN EKSEKUTIF	ii

BAB SATU: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN TNB	1
1.1.1 Sejarah Ringkas TNB (Bahagian Pembahagian, Alor Star)	4
1.2 MISI DAN VISI TNB	6
1.3 MATLAMAT DAN HALA TUJU SYARIKAT	8
1.3.1 Inisiatif Utama T7	
1.4 RASIONAL LOGO	10
1.5 STRUKTUR ORGANISASI DAN FUNGSI UNIT	12
1.6 NILAI-NILAI BESAMA	14
1.6.1 Integriti	14
1.6.2 Mengutamakan Pelanggan	15
1.6.3 Kecemerlangan Perniagaan	15
1.6.4 Prihatin	16
1.7 PERANAN DAN FUNGSI UTAMA TNB	17
1.8 PIAGAM PELANGGAN	18
1.9 PERKHIDMATAN	19
1.10 OBJEKTIF SYARIKAT	19
1.11 PRODUK DAN LAYANAN	20
1.12 BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	22
1.13 BAHAGIAN TENDER	25
1.14 BAHAGIAN KEWANGAN	28
1.15 AKTIVITI SYARIKAT	31
1.16 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	32
1.17 KESIMPULAN	35

BAB DUA: MENGENALPASTI SISTEM SEDIA ADA, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 PENGENALAN	36
2.2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA	36
2.2.1 Sistem Pengurusan Prestasi (PMS)	37
2.2.2 Taklimat Perdana Bersama PBN	38
2.2.3 Sistem Fail	39
2.2.4 Sistem URM (<i>Unit Review Meeting</i>)	39
2.2.5 GMRM (<i>General Manager Review Meeting</i>)	40

2.2.6 Sistem SAP (<i>Standard Account Package</i>)	40
2.2.7 Sistem Tanda Nama (Tag Nama)	41
2.2.8 Sistem Kaunter	41
2.3 MENGENALPASTI MASALAH	43
2.3.1 Masalah Disiplin Kakitangan	43
2.3.2 Tahap Penguasaan Komputer	45
2.3.3 Sistem Perakam Waktu	45
2.3.4 Hutang Tertunggak	46
2.3.5 Masalah Hubungan/Interaksi Antara Unit.	46
2.4 CADANGAN PENYELESAIAN	47
2.4.1 Memperketatkan Lagi Undang-undang Syarikat Berkenaan Disiplin	47
2.4.2 Lebih Kerap Menganjurkan Seminar Atau Kursus Berkaitan Dengan Penggunaan Komputer	49
2.4.3 Bertukar Kepada Sistem " <i>Thumb Print</i> "	49
2.4.4 Hutang Tertunggak	50
2.4.5 Tekankan Usaha Pemulihan Hubungan	51
2.5 KESIMPULAN	52
BAB TIGA: ANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN DALAM ORGANISASI (SWOT)	
3.1 PENGENALAN	53
3.2 RINGKASAN ANALISIS SWOT	54
3.2.1 Kekuatan (<i>Strengths</i>)	55
3.2.2 Kelemahan (<i>Weaknesses</i>)	61
3.2.3 Peluang (<i>Opportunities</i>)	65
3.2.4 Ancaman (<i>Threats</i>)	69
3.3 CABARAN YANG DIHADAPI	75
3.3.1 Kurang Mendapat Tugasan	75
3.3.2 Saranan Agar Lebih Mesra	75
3.3.3 Kebanyakan Maklumat Syarikat Adalah Sulit	76
3.4 KESIMPULAN	76
BAB EMPAT: PENUTUP	
BIBLIOGRAFI	
LAMPIRAN	

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh/ salam sejahtera

Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak kesyukuran kehadiran Ilahi di atas segala keizinan dan kasih sayangNya, Alhamdulillah, dapat saya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri (LI) SOS 4299 ini. Saya telah menjalankan Latihan Ilmiah ini sepanjang 12 minggu di TNB Alor Star, Kedah. Dalam tempoh ini, pelbagai pengetahuan dan maklumat dapat saya pelajari di Unit Pentadbiran, Tenaga Nasional, Pejabat Pengurus Besar Negeri Kedah Darul Aman.

Ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa dan keluarga tersayang kerana memberi saya sokongan yang tidak terhingga dalam menyiapkan tugas yang telah diamanahkan ini. Dengan kasih sayang dan restu mereka memberikan keyakinan kepada saya untuk melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesungguhnya restu ibu bapa adalah keredhaan Allah juga.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia LI saya iaitu Dr. Fadzli bin Adam yang telah banyak membantu, memberi panduan dan tunjuk ajar kepada saya. Tidak lupa juga kepada Penyelia Industri di TNB Kedah, Pen.Pengurus Sumber Manusia En Shahidan Bin Saad, Pengurus Kewangan Negeri En. Rosli Bin Ahmad, Bekas Siausaha Unit Tender En Azmi Bin Ahmad serta kakitangan-kakitangan TNB yang telah banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar, memberikan maklumat mengenai TNB serta nasihat kepada saya.

Seterusnya tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat yang sama-sama menjalani Latihan Industri di TNB Kedah. Kalian banyak memberi dorongan dalam mendapatkan segala maklumat-maklumat yang dikehendaki bagi menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri masing-masing. Walaupun hanya 12 minggu bersama, namun diharapkan agar perhubungan yang terjalin akan terus berkekalan kelak.

Tidak lupa lupa kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan dan kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak diucapkan terima kasih dan semoga segala jasa kalian dibalas dengan kebaikan oleh Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Ini bermakna Latihan industri ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pegurusan Dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Tujuan latihan ini adalah untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerja yang sebenar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman dan ilmu pengetahuan yang terdapat dalam organisasi dan persekitarannya sama ada jabatan swasta, badan berkanun atau pun kerajaan yang terlibat.

Di samping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada pelajar khususnya yang dikatakan sebagai alam pekerjaan. Para Pelajar juga dapat melihat suasana pekerjaan seperti etika, budaya, dan sebagainya. Selain itu Latihan Industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Pengurusan Polisi dan Sekitaran Soial.

Pelatih telah menjalani Latihan Industri di Tenaga Nasional Berhad (TNB) selama 12 minggu bermula dari 05 April hingga 28 Jun 2005 dan ditempatkan di unit Pentadbiran yang merangkumi bahagian Kewangan dan Tender di bawah seliaan En. Shahidan bin Saad.

Terdapat beberapa sebab dan objektif menjalani Latihan Industri. Antaranya ialah untuk mendedahkan pelatih kepada dunia pekerjaan yang sebenar. Selain itu, ia juga membantu pelatih dalam merealisasikan dan memperkembangkan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan dalam persekitaran bekerja. Engan adanya Latihan seperti ini, menggalakkan pelatih untuk memahami kepentingan pembelajaran yang berterusan serta membolehkan pelatihuntuk memperaktikkan kemahiran-kemahiran akademik yang telah dipelajari secara lisan sepanjang menjalani pengajian di kampus. Apa yang paling penting ialah, dengan pengalaman yang diperolehi telah membuka ruang kepada majikan dalam proses membangunkan bakal-bakal graduan khususnya graduan daripada Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).